

**TREATMENT OF TOXINS IN THE BODY THROUGH CUPPING THERAPY  
ACCORDING TO IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

**RAWATAN RACUN DALAM BADAN MELALUI TERAPI BEKAM  
MENURUT IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Muhammad Hafiz Rosli, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>ii</sup> &  
Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>iii</sup>

<sup>i</sup> Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. hafizcaster94@gmail.com

<sup>ii</sup> (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. yusri613@uitm.edu.my

<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. Mohdz560@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 28 August 2024

Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>Cupping therapy is an ancient treatment gaining popularity among the Malaysian community. This is evidenced by the emergence of treatment centers offering cupping therapy as an alternative treatment for diseases. Generally, cupping is used to treat physical ailments such as pain, gout, high blood pressure, and cholesterol. In addition to treating physical illnesses, cupping is also capable of treating diseases caused by toxins. This was mentioned by Ibn Qayyim, an Islamic scholar who lived in the 13th century AD and contributed extensively to various fields including medical science from an Islamic perspective. In his book "Tibb al-Nabawi," he explained that cupping can treat toxins in the human body just as the Prophet Muhammad SAW did. Therefore, this study was conducted to understand how the process of cupping therapy treats toxins in the body as described by Ibn Qayyim in his book "Tibb al-Nabawi." The methodology used in this study is document analysis, analyzing Ibn Qayyim al-Jawziyyah's book "Tibb al-Nabawi" and articles and books related to cupping therapy for toxin treatment. The results of this study indicate that toxins can be removed from the human body by cupping at specific locations such as the shoulder area as indicated by the Prophet SAW. The shoulder area is chosen for cupping because the cupping point on the shoulder is the closest to the heart organ where the toxin is located. Therefore, comprehensive research from both theoretical and practical aspects should be conducted to obtain more accurate and in-depth findings regarding the ability of cupping therapy to treat toxins in the body.</i></p> <p>Keywords: <i>Treatment, Cupping, Therapy, Toxins, Ibn Qayyim.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Terapi bekam merupakan rawatan kuno yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan percambahan pusat-pusat rawatan yang menyediakan terapi bekam sebagai</i></p>

salah satu alternatif merawat penyakit. Umumnya, bekam digunakan sebagai rawatan penyakit-penyakit fizikal seperti nyeri, gout, darah tinggi dan kolesterol. Selain daripada merawat penyakit fizikal, bekam juga mampu merawat penyakit yang berpunca daripada racun. Hal ini disebutkan oleh Ibn Qayyim, seorang cendekiawan Islam yang hidup pada abad ke 13 Masihi yang banyak menyumbang karya penulisan dalam pelbagai bidang termasuk ilmu perubatan daripada perspektif Islam. Dalam kitab karangan beliau *Tibb al-Nabawi*, beliau menjelaskan bahawa bekam mampu merawat racun dalam badan manusia seperti mana yang dilakukan oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, penulisan ini adalah untuk mengkaji bagaimana proses terapi bekam bagi merawat racun dalam badan yang disebut oleh Ibn Qayyim dalam kitab *Tibb al-Nabawi*. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen iaitu menganalisis kitab *Tibb al-Nabawi* karangan Ibn Qayyim al-Jawziyyah dan artikel-artikel serta buku-buku yang berkaitan dengan terapi bekam merawat racun. Hasil kajian ini menyatakan racun boleh dikeluarkan daripada badan manusia dengan berbekam pada tempat-tempat tertentu seperti pada kawasan bahu yang ditunjukkan oleh Nabi SAW. Kawasan bahu menjadi tempat pembekaman kerana titik bekam pada bahu adalah titik yang terdekat dengan organ jantung di mana racun tersebut berada. Oleh yang demikian, kajian secara menyeluruh dari segi teori dan praktikal harus dilakukan bagi mendapat dapatan yang lebih tepat dan mendalam berkaitan kemampuan terapi bekam merawat racun dalam badan.

Kata kunci: *Terapi, Bekam, Rawatan, Racun, Ibn Qayyim.*

## PENDAHULUAN

Dalam lipatan sejarah dunia, bekam adalah salah satu terapi tertua yang terdapat di dunia (Flori, 2018). Sejarah membuktikan bahawa kewujudan dan pengamalannya dalam masyarakat dunia bermula sejak 3000 tahun sebelum masihi (Ahmad, 2019). Masyarakat Yunani, Parsi, Mesir, Arab, Cina India, Eropah dan Amerika telah mengenali terapi bekam dengan nama-nama yang difahami oleh mereka. Antaranya seperti *hijamah*, *kop*, *cucurbit*, *cupping*, *fire bottle*, *blood-letting*, *pa hou kuan*, *badkesh*, *bahnkes*, *nuhang*, *bantusa*, *kuyukaku*, *gak hoi* dan banyak lagi (Flori, 2018). Manakala di Alam Melayu juga sudah mengenali rawatan ini dengan nama bekam, chantuk, chanduk dan *hijamah* (Hamzaimi, 2019). Terapi bekam didefinisikan sebagai rawatan tradisional yang mengeluarkan darah kotor atau angin daripada tubuh badan seseorang dengan kaedah melukakan sedikit pada bahagian kepala atau belakang atau titik-titik tertentu badan dan menyedut darah menggunakan tanduk, buluh atau cawan yang ditelengkupkan pada tempat yang dilukakan tersebut (Noresah et al., 2005).

Dalam dunia perubatan tradisional, bekam berpotensi untuk merawat penyakit dan mencegah penyakit (Amr et al., 2021). Antara penyakit yang boleh dirawat menggunakan bekam ialah nyeri, darah tinggi, gout, kolesterol dan sebagainya. Dahulu, bekam digunakan untuk merawat penyakit gangguan kitaran haid, demam, mengeluarkan nanah bisul dan menghilangkan lesu akibat masuk angin semasa melakukan perjalanan yang lama (Amr et al., 2021). Pada zaman Nabi Muhammad SAW juga bekam telah pun digunakan sebagai salah satu kaedah rawatan dan mencegah penyakit (Syihab, 2022). Bekam menjadi sunnah baginda SAW sehinggakan mendapat perhatian khusus melalui hadis baginda SAW berkaitan titik-titik bekam, masa, dan manfaatnya. Selain daripada penyakit fizikal yang umum, bekam juga dipercayai mampu mengeluarkan racun dalam badan (Syihab, 2022).

Racun ialah bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut jika dimakan (Noresah et al., 2005). Dalam era kemodenan ini, penggunaan racun mula menerima pembaharuan, khususnya dikalangan petani moden. Manusia menggunakan racun sebagai alat untuk mengawal serangga perosak berleluasa khususnya dalam bidang


pertanian. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat yang masih menggunakan racun dengan niat ingin mencelakakan orang lain seperti Santau. Santau adalah sejenis racun yang diperbuat daripada pelbagai ramuan khusus, antaranya bahan yang terdiri daripada unsur-unsur bisa (Mohd Nizam et al., 2013). Sebagai contoh bisa yang diperolehi daripada haiwan berbisa, seperti lipan bara, ular senduk, ular kapak, katak bertanduk, ubur-ubur dan sebagainya. Kedua, bahan-bahan yang terdiri daripada unsur gatal dan miang. Antaranya, seperti ulat bulu mati beragan dan segala benda yang miang seperti buluh, keladi dan sebagainya (Mohd Nizam et al., 2013). Ketiga, unsur yang terdiri daripada bahan pedih, contohnya, kuku manusia dan haiwan, binatang yang telah mati, benang sutera, kawad besi, kaca, rambut dan sebagainya. Tanpa pengawalan dan penjagaan yang baik, manusia mudah terdedah kepada racun tersebut seperti melalui serapan kulit, melalui saluran pernafasan dan melalui pemakanan (Jabatan Pertanian Malaysia, 2017). Manakala bagi racun Santau, individu mestilah sering memohon perlindungan daripada Allah SWT daripada perbuatan tersebut (Mohd Yusoff et al., 2022).

Bagi merawat racun yang telah masuk ke dalam badan, caranya adalah dengan mengosongkan atau mengeluarkannya menggunakan penawar racun tersebut. Jika tidak menemukan penawarnya, terapi bekam boleh menjadi pilihan. Hal ini kerana, racun yang masuk ke dalam tubuh akan menjalar dalam saluran darah manusia (Ibn Qayyim, 2010). Jadi terapi bekam adalah pilihan terbaik bagi mengeluarkan racun tersebut kerana sememangnya gerak kerja bekam ialah mengeluarkan racun atau penyakit melalui darah kotor pada anggota tubuh. Tambahan pula, perkara ini disebut oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah dalam kitab Tibb al-Nabawi beliau dimana baginda SAW dan sahabat diracun oleh seorang wanita Yahudi lalu baginda SAW memerintahkan para sahabat supaya mengeluarkan racun dengan menggunakan bekam (Ibn Qayyim, 2010).

Oleh yang demikian, dalam artikel ini penulis akan membincangkan bagaimana terapi bekam mengeluarkan racun daripada badan menurut Ibn Qayyim Al-Jawziyyah dengan mengkaji dan meneliti magnum opus beliau iaitu kitab Tibb al-Nabawi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kualitatif dengan menerapkan reka bentuk analisis dokumen. Analisis dokumen adalah proses yang tersusun dan sistematik untuk mengkaji atau menilai data yang terdapat dalam dokumen bercetak. Analisis dokumen memerlukan data untuk dianalisis untuk mendapatkan makna, pemahaman, dan pengembangan ilmu pengetahuan. Oleh itu, dalam kajian ini sumber utamanya adalah kitab Tibb al-Nabawi yang dikarang oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah, manakala sumber sekunder adalah terdiri daripada kitab-kitab hadis, jurnal, artikel dan literatur lain yang sesuai dengan tema kajian. Seterusnya, analisis data yang digunakan adalah analisis kandungan konseptual iaitu menganalisis tema yang dikaji berkaitan terapi bekam merawat racun dalam badan menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah dengan mengamati dan menganalisis kandungan teks kitab Tib al-Nabawi berdasarkan tema yang telah ditetapkan.



Rajah 1.0: Rajah Metode Kajian

### **LATAR BELAKANG IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH**

Ibn Qayyim Al-Jawziyyah ialah seorang Imam al-Muhaqqiq al-Hafiz al-Ushuli al-Faqih Muhammad bin Abu Bakar bin Sa'ad bin Haris Az-Zari' al-Damsyiqi al-Hanbali (Bakr, 1423). Beliau digelar sebagai Syamsuddin, kunyahnya ialah Abu Abdullah. Dalam sejarah kehidupannya, beliau terkenal dengan nama Ibn Qayyim al-Jawziyyah (Ibn Qayyim, 2004). Kata *Al-Jawziyyah* pada namanya merujuk kepada sebuah sekolah yang beraliran *al-Hanabilah* iaitu antara sekolah terbesar yang telah didirikan oleh Muhyiddin bin Hafiz bin Faraj Abdurrahman al-Jawzi yang terletak di Damsyiq atau dikenali sebagai Damaskus di negara Syria (Ibn Rajab, 2005). Dalam struktur pentadbiran, sekolah ini dikelolai oleh beberapa orang pengurus termasuklah ayahanda beliau Qayyim al-Jawziyyah (Ibn Qayyim, 2004). Di kota tersebut, beliau amat disegani kerana sifat kesolehan dan ketaatan beribadah kepada Allah SWT. Seumur hidup beliau diabdikan kepada ilmu sehingga akhir hidupnya. Beliau kembali kepada penciptanya di sekolah al-Jawziyyah pada hari Ahad tanggal 19 Dzulhijjah tahun 723 H (Ibn Hajar, 1972).

Selain itu, kata *al-Jawzi* juga merujuk kepada sebuah nama tempat yang terletak di Basrah dan ada juga yang berpendapat bahawa nama ini merujuk kepada kepompong (ulat sutera) dan penjualnya (Ahmad Farid, 2006). Menurut Mansyur (1999), salah seorang anak murid beliau yang dikenali sebagai Ash-Shafadi menyatakan bahawa, Ibn Qayyim telah dilahirkan pada tanggal 7 Safar tahun 691 H/ 9 Januari 1292 M (Ibn Kathir, 2018). Antara yang menyokong pendapat ini ialah Ibnu Thagri Birdi, Dawari dan as-Suyuti (Ahmad Farid, 2006). Bagai kata pepatah Melayu bagaimana rupa, begitulah bayangnya, itulah susuk tubuh Ibn Qayyim atas dasar keilmuannya yang hebat manakan tidak, beliau dilahirkan dalam keluarga yang sangat mencintai ilmu pengetahuan dan ilmu-ilmu agama (Ibn Qayyim, 2004). Beliau dilahirkan di sebuah kampung bernama *Zir'* iaitu salah satu perkampungan di wilayah Hawarith, terletak kira-kira lima puluh lima batu jauhnya di sebelah tenggara Kota Damaskus (Ibn Qayyim, 2004). Pada akhir hidupnya, beliau meninggal dunia pada malam Khamis 13 Rajab semasa azan solat Isya' berkumandang pada tahun 751 H/1350 M pada usia 60 tahun (Ibn Rajab, 2005). Jenazah beliau disolatkan pada hari berikutnya selepas solat Zuhur di Masjid al-Umawiyah dan kemudiannya di Masjid Jamek Jarah. Setelah selesai disolatkan, beliau dimakamkan di perkuburan al-Bab as-Shaghir disebelah makam ayahanda-nya (Ibn Qayyim, 2004).

### **DEFINISI BEKAM**

Perkataan bekam berasal daripada bahasa Arab. *Al-Hajmu* menurut bahasa mempunyai makna yang sama dengan kata *al-Massu* iaitu proses penyedutan. Perkataan ini berasal daripada kata akar (حجم - يحجم - احجم). Manakala kata *al-hijamah* adalah perbuatan atau aktiviti orang yang berbekam, kata *al-Mihjam* dan *al-Mihjama* adalah alat yang digunakan untuk menyedut darah kotor tersebut (Ibn Manzur, 1290). Dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke empat, bekam sinonim dengan proses mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara membedah sedikit pada kepala atau belakang badan dan menghisap darah kotor dengan tanduk atau cawan panas yang ditelengkupkan pada tempat yang telah dibedah (Noresah, 2005).

Selain itu, dalam buku Bekam Mukjizat Pengubatan Nabi SAW (Aiman Al-Husaini, 2005), secara bahasa menyatakan bahawa, kata *hijamah* memiliki dua definisi. Pertama, kata *hijamah* berasal daripada kata *hajama* yang bermakna menyedut. Makna *hijamah* dari segi istilah adalah perbuatan menyedut atau menghisap darah kotor daripada tempat tertentu bertujuan untuk mengubati salah satu organ tubuh yang bermasalah atau terkesan dengan penyakit tertentu. Kedua ialah kata *hijamah* terbentuk daripada kata *hajama*, yang bermaksud mengembalikan sesuatu kepada nisbah kuantiti asal dan mencegahnya terus berkembang. Jadi daripada pemaknaan ini, Aiman Al-Husaini (2005) berpendapat bahawa *hijamah* adalah tindakan untuk memberhentikan ataupun pencegahan untuk menghalang penyakit agar tidak merebak ke seluruh anggota badan dan mengembalikannya kepada keadaan sihat semula.

Menurut Dr. Wada A. Umar (2017) bekam ialah sebuah kaedah pengubatan dengan cara menepakkan gelas atau cawan pada permukaan kulit sehingga membentuk kawasan merah pada kawasan yang telah ditekapkan alat tersebut. Kawasan merah yang terbentuk akibat tekanan negatif yang terhasil daripada bahan bakar yang dibakar ke dalam bekas tersebut dibuat supaya darah dapat dikumpulkan pada kawasan tersebut. Kemudian darah yang telah terkumpul itu akan dikeluarkan daripada bawah kulit dengan proses penyedutan yang bertujuan meningkatkan semula keseimbangan kitaran Qi dan Xue dalam badan dan mengeluarkan angin sejuk serta angin lembab.

Namun, Ibn Al-Qayyim al-Jawziyyah telah dahulu memberikan definisi bekam dengan menyatakan bekam ialah sebuah proses untuk mengeluarkan darah daripada bawah lapisan kulit dengan tujuan mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara melukakan sedikit permukaan kulit pada anggota tubuh tertentu, seperti kepala atau bahagian belakang badan. Seterusnya darah kotor yang telah dikeluarkan akan dihisap dengan cara memanaskan bahagian dalam tanduk, cawan atau bekas kaca untuk menghasilkan tekanan negatif lalu bekas tersebut ditelungkupkan pada permukaan kulit yang telah dilukakan (Ab. Aziz et al., 2015).

Daripada beberapa definisi yang telah dijelaskan diatas, dapat disimpulkan bahawa terapi bekam ialah sebuah proses mengeluarkan darah kotor dengan cara sedutan menggunakan alatan bekam seperti cawan, tanduk dan gelas kaca pada tempat-tempat tertentu pada anggota tubuh yang telah ditoreh dengan menggunakan pisau atau jarum di kawasan atau titik-titik bekam bagi merawat penyakit-penyakit tertentu.

## **JENIS BEKAM**

Bekam secara umumnya terbahagi kepada dua jenis iaitu bekam basah dan bekam kering (Asar et al., 2023):

### **Bekam Basah/ darah**

Bekam basah ialah proses pembekaman yang dilakukan dengan melukakan sedikit pada tempat-tempat tertentu pada anggota badan menggunakan pisau atau jarum untuk mengeluarkan darah yang terdapat dibawah lapisan kulit juga dikenali sebagai lapisan epidermis. Bekam basah juga bukan sahaja mengeluarkan darah kotor, bahkan mampu mengeluarkan angin, panas dan darah beku (Ahmad, 2012). Dalam perubatan Islam, bekam basah juga merupakan terapi yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW sehingga mendapat perhatian khusus daripada baginda SAW dalam hadisnya. Hal ini termasuklah titik-titik bekam yang sesuai untuk merawat penyakit-penyakit tertentu, waktu berbekam, hari yang terbaik untuk berbekam dan hari dan keadaan yang tidak dianjurkan untuk berbekam (Ibn Qayyim, 2004). Dalam ilmu perubatan alternatif kaedah bekam basah juga sering digunakan untuk merawat penyakit-penyakit yang lebih berat berbanding dengan bekam kering. Antaranya seperti penyakit darah tinggi, gout, kencing manis, kolesterol dan lain-lain lagi (Wahyudi et al., 2023).

### **Bekam Kering/ angin**

Bekam kering ialah bekam yang dilakukan tanpa melukakan anggota tubuh (Syafiya, 2018). Bekam jenis ini juga dikenali sebagai bekam angin. Kaedah bekam kering ini dilakukan dengan cara menyedut permukaan kulit dan memicit kawasan sekitarnya tanpa mengeluarkan darah daripada tempat yang dibekam (Iyan, 2017). Selain itu, teknik bekam kering juga sangat sesuai bagi orang yang takutkan jarum dan darah. Bekam ini juga digunakan sebagai rawatan terhadap pengidap penyakit diabetes iaitu kencing manis. Hal ini kerana, jika bekam basah dilakukan pada individu tersebut, dikuatiri luka yang dibuat untuk mengeluarkan darah ketika berbekam akan sukar untuk bercantum semula (Hisham, 2013). Terapi bekam kering juga mempunyai manfaat yang banyak, antaranya mampu membuang angin dan boleh digunakan untuk merawat rasa nyeri tanpa melukakan kulit terutamanya pada bahagian belakang anggota badan.

## **Bekam Api**

Bekam api ialah bekam yang menggunakan alatan sama ada dengan gelas kaca, tanduk, atau buluh. Api dimasukkan kedalam bekas hijamah atau bekam, kemudian diletakkan di badan pesakit. Rawatan ini mengambil masa sekitar 10- 15 minit (Asar et al., 2023).

## **DEFINISI RACUN**

Racun ialah bahan yang berbisa dan boleh mematikan atau membawa maut jika dimakan (Noresah et al., 2005). Pada zaman moden, racun boleh didapati daripada pelbagai sumber, antaranya seperti ubat-ubatan, racun serangga, Gas, produk pertanian seperti baja dan racun rumpai dan bahan-bahan kimia industri (Muhammad Fadhli et al., 2012). Menurut John D. Gimlette (2019) orang Melayu mendapatkan racun daripada beberapa bahan. Antaranya ialah binatang, tumbuh-tumbuhan hutan, sayur-sayuran dan racun yang dibuat daripada bahan kimia. Namun, terdapat satu racun yang amat ditakuti oleh masyarakat iaitu Santau. Amran Kasimin (2002) menyatakan bahawa Santau adalah racun, tetapi racunnya tidak berkaitan dengan yang diproses di kilang, seperti racun pokok atau rumput. Masyarakat Melayu biasanya memanggil Santau sebagai racun yang tercipta daripada bahan tradisional yang boleh menyebabkan gatal, miang, bisa, dan pedih kepada orang tertentu untuk tujuan tertentu. Hakikatnya, beberapa amalan Santau adalah bahagian ilmu sihir atau ilmu hitam yang pada asasnya dipelajari untuk kepentingan diri dan keluarga.

## **JENIS- JENIS RACUN**

### **Racun Moden**

#### **1. Ubat-ubatan**

Dalam ubat-ubatan juga terdapat racun yang boleh mengakibatkan kesan sampingan dan kerosakkan organ dalaman manusia (Siti Ainul, 2014). Antaranya seperti rajah di bawah:

Jadual 1: Menunjukkan Jenis Racun Dan Kesan Sampingannya.

<b>Jenis Racun</b>	<b>Kesan</b>
Sildenafil, thiodimethylsildenafil, tadalafil	Kegagalan fungsi jantung, sawan, syncope
Sibutramine, phentermine	Serangan jantung, pendarahan usus, mania atau gila
Dexamethasone	Simptom 'moon face', tekanan darah tinggi, halusinasi, diabetes mellitus, sentral obesiti
Hydroquinone	Radang kulit, kulit pedih dan seolah-olah terbakar, sangat sensitif kepada cahaya
Tretinoin	Kulit mengelupas dan keradangan, sangat sensitif kepada cahaya

#### **2. Racun Serangga**

Racun serangga sering digunakan dalam pertanian bagi mengawal serangga perosak. Banyak industri seperti pertanian, perubatan, industri dan isi rumah menggunakannya. Racun serangga membunuh larva dan telur. Racun ini digunakan untuk mengawal serangga perosak daripada merosakkan tanaman dan kediaman manusia. Namun, penggunaan haruslah dikawal dengan baik dan mengamalkan sop yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengelakkan keracunan berlaku (Jabatan Pertanian Malaysia, 2017).

#### **3. Gas**

Gas beracun merupakan gas kimia yang berupaya menyebabkan kesan keracunan apabila gas tersebut masuk melalui paru-paru. Kesan keracunan boleh dilihat dalam jangka masa singkat. Setelah memasuki badan, gas beracun mendatangkan kesan sama ada kehakisan (menyebabkan kecederaan sel-sel di tapak kemasukan), anestetik (menyebabkan kesan hilang kesedaran), kelemasan (mengalihkan oksigen sehingga mangsa tidak memperoleh)

oksigen mencukupi) dan kecederaan organ tertentu (Muhammad Isa, 1996). Antara gas yang beracun ialah karbon monoksida yang keluar daripada asap kenderaan (Haliza, 2020).

#### **4. Produk Pertanian Seperti Baja Dan Racun Rumpai**

Baja adalah merujuk kepada bahan yang mengandungi unsur pemakanan tumbuhan bagi membantu pertumbuhan tanaman. Baja adalah merujuk kepada sebarang bahan organik atau bukan organik yang ditambah ke permukaan tanah untuk membekalkan unsur untuk pertumbuhan tanaman (Nor Azfan et al., 2022). Baja organik terdiri daripada bahan kompos dan baja biofertilizer. Manakala baja kimia terbahagi kepada tiga iaitu baja tunggal, baja campuran dan baja sebatian. Baja organik adalah baja yang terhasil daripada bahan semula jadi dan penggunaannya tidak merosakkan tanaman malahan memberikan kebaikan kepada tanah bagi jangka masa yang panjang. Sebaliknya baja kimia yang terhasil daripada bahan sintetik dan telah diformulasikan bagi tujuan tertentu (Nor Azfa et al., 2022).

Racun rumpai pula ialah sejenis bahan terpenting yang digunakan oleh petani untuk melindungi hasil dan kualiti tanaman, dengan mengawal rumpai yang bersaing dengan tanaman untuk mendapatkan sumber nutrien, cahaya matahari, ruang dan air (Norhaimanshah, 2022). Racun rumpai ini bertindak dengan dua cara. Pertama racun sentuh serap dan kedua ialah racun serap. Contoh racun tersebut seperti racun Roundup, Spark dan Ecomax.

#### **5. Bahan-Bahan Kimia Industri**

"Industri" dan "kimia" adalah perkataan asal industri kimia. Industri ialah proses mengubah bahan mentah menjadi produk yang berguna atau mempunyai nilai tambah. Pengguna akhir boleh menggunakan produk ini secara langsung. Produk ini dikenali sebagai "produk akhir." Produk yang dihasilkan oleh industri ini boleh digunakan oleh industri lain, atau "produk antara." Tidak dapat dinafikan bahawa produk kimia industri termasuk industri yang menghasilkan bahan kimia. Walau bagaimanapun, bahan mentah yang diproses dalam industri ini boleh didapati melalui proses perlombongan, petrokimia, pertanian, atau sumber lain (Yuli et al., 2018).

#### **Racun Tradisional**

Menurut John D. Gimlette (2019), racun tradisional boleh didapati daripada binatang seperti bisa ular, kala jengking, dan lipan. Tumbuh-tumbuhan hutan pula seperti Akar Batu Pelir Kambing, Akar Klapayang, miang buluh dan Bebuta. Sayur-sayuran pula seperti getah betik, Cheraka, Datura, Depu Pelandok, Gadong, Kenerak, Kepayang dan Nanas manakala yang terakhir racun yang dibuat daripada bahan kimia seperti arsenik dan merkuri.

Selain itu, terdapat juga racun yang disebut sebagai Santau. Santau ialah sejenis racun yang digabungkan dengan beberapa elemen seperti bisa dan bahan yang tidak boleh dihadap serta bahan yang kotor seperti gigi manusia, gading, rambut, selut, tanah, kaca, kuku, paku, bulu, ulat bulu dan miang buluh (Mohd Nizam et al., 2013).

Tambahan pula, menurut pengamal perubatan yang menceburi bidang rawatan berkaitan makhluk halus, mereka menyatakan bahawa Santau ini terdiri daripada tiga unsur. Pertama ramuan atau adunan bahan beracun. Kedua unsur-unsur sihir dan pemujaan ketiga penglibatan makhluk halus (Mohd Yusoff et al., 2022). Santau juga boleh digunakan dengan dua kaedah. Pertama; Kaedah hakikat. Cara kerja Santau jenis ini racun akan diberikan kepada mangsa dengan mengadunkan bahan tersebut dan terus dikenakan kepada mangsa melalui minuman, makanan, sapuan atau calitan kepada mangsa (Mohd Nizam et al., 2013). Dari sudut kekuatannya, tergantung pada ramuan yang diadunkan semasa proses pembikinan racun tersebut. Racun melalui kaedah ini mudah dibuang daripada tubuh pesakit. Santau dengan kaedah ini juga bermaksud racun yang dihasilkan tanpa menggunakan perantaraan makhluk halus (Mohd Nizam et al., 2013). Kedua; Santau yang diadunkan menggunakan bahan racun dan ilmu hikmat. Santau yang dihasilkan melalui kaedah ini mestilah menggunakan bantuan makhluk halus melalui pemujaan terhadap jin dan iblis (Mohd Nizam et al., 2013; Mohd Yusoff et al., 2022). Mangsa yang

terkena Santau jenis ini sukar untuk diubati dan mengambil masa yang lama untuk pulih sepenuhnya. Santau hikmat atau turut dikenali sebagai Santau seru atau Santau angin yang menggunakan bantuan jin untuk mendapatkan kesaktian kepada bahan Santau. Dalam hal ini, pemuja perlu menyediakan bahan sajian untuk jin yang diseru (Mohd Nizam et al., 2013; Mohd Yusoff et al., 2022).

## **PEMBAHAGIAN SANTAU**

### **Santau Makan Dan Minum**

Santau jenis ini adalah Santau yang diletakkan dalam makanan atau minuman seperti gulai kawah di sesebuah majlis (Nik Rosniwati, 2022). Santau jenis ini akan dimasukkan terlebih dahulu kedalam makanan dan minuman sebelum dihidangkan. Orang yang mempunyai amalan pendinding diri dapat melihat hidangan yang mengandungi racun Santau kelihatan seperti menggelegak semasa hidangan itu dihidangkan kepada mereka walaupun hidangan itu tidak panas. Adakalanya cawan atau pinggan yang digunakan tersebut akan retak dan pecah apabila disentuh (Mohd Yusoff et al., 2022).

### **Santau Angin**

Santau jenis ini akan dilepaskan oleh pembuat Santau apabila tabung penyimpanan Santau tersebut sudah mulai penuh. Biasanya Santau akan dilepaskan pada tempat-tempat awam seperti kedai-kedai makan. Pembuat Santau ini wajib melepaskan Santanya kerana bimbang Santau tersebut akan mengganggu diri serta keluarganya apabila ia sudah penuh dan melimpah. Santau ini juga kebiasaannya mengambil masa yang lama untuk berkembang biak dalam tubuh mangsa (Haron, 2013; Mohd Yusoff et al., 2022). Untuk kaedah pelepasan Santau ini, pembuat Santau akan melepaskannya mengikut arah angin. Caranya dengan menyelitkan racun tersebut dibawah kuku dan akan menjentiknya kearah orang ramai. Khususnya pada majlis perkahwinan, kenduri atau kedai makan. Dimana tempat-tempat menjadi tumpuan orang ramai, disitulah Santau tersebut dilepaskan. Mangsa perbuatan Santau ini tidak mengira usia muda, tua atau kanak-kanak melainkan yang terselamat ialah orang yang memohon perlindungan daripada Allah SWT sahaja (Mohd Yusoff et al., 2022).

### **Santau Tuju**

Santau tuju ialah santau yang digunakan untuk memudharatkan mangsanya dengan cara dimasukkan santau tersebut kedalam mulut atau makanan melalui perantaraan jin. Mangsa yang termakan atau terkena santau ini akan tersedak lalu muntah darah (Mohd Yusoff et al., 2022). Santau ini akan dilepaskan pada waktu tengah malam dengan niat khusus kepada mangsanya ketika mangsa sedang tidur lena. Mangsa, lokasi, rumah, waktu tidur dan sebagainya telah dikenal pasti oleh pembuat santau tersebut. Orang yang menjadi sasaran santau ini akan terus muntah darah dengan serta merta jika santau ini ditujukan tepat pada sasarannya. Secara mata kasar, santau ini akan kelihatan bercahaya seperti kunang-kunang ataupun tahi bintang yang terbang rendah setinggi pohon kelapa semasa santau ini dilepaskan. Terdapat pantang larang ketika melepaskan Santau ini, antaranya ialah Santau tersebut tidak boleh dilihat oleh orang lain ketika ia dilepaskan. Ia akan tersasar dan terkena dinding rumah orang lain sekiranya ada orang melihatnya (Mohd Yusoff et al., 2022).

### **Santau Langkah**

Santau langkah ialah sejenis santau yang diletakkan di pintu kediaman mangsa atau tempat laluan yang sering dilalui oleh mangsa. Apabila mangsa melangkah santau tersebut, ia akan bertindak dan menyerang mangsa (Mohd Yusof et al., 2022). Santau ini akan ditaburkan di pintu pagar atau depan pintu rumah mangsa dan esiaapa sahaja boleh terkena santau ini apabila melangkahnya melainkan santau tersebut telah dikhususkan dan ditujukan kepada individu tertentu (Mohd Yusoff et al., 2022).

**HADIS TENTANG KISAH NABI DIRACUN OLEH WANITA YAHUDI**

Kisah ini mempunyai beberapa riwayat yang menceritakan perihal Nabi SAW diracun oleh wanita Yahudi. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari (1980) yaitu pada kitab Jizyah hadis ke 3169, kitab al-Maghozi hadis ke 4249 dan kitab Tibb hadis ke 5777. Selain itu ada juga yang diriwayatkan oleh Imam Muslim (2006) pada kitab al-Salam, bab al-Sam hadis yang ke 2190. Hadis-hadisnya adalah seperti berikut:

**Hadis Riwayat al-Bukhari Dalam Kitab Jizyah**

{ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ قَالَ حَدَّثَنِي سَعِيدٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : لَمَّا فُتِحَتْ خَيْبَرُ أَهْدَيْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَاةً فِيهَا مُمْ ، فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اجْمَعُوا لِي مَنْ كَانَ هَا هُنَا مِنْ يَهُودَ ، اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : اجْمَعُوا لِي مَنْ كَانَ هَا هُنَا مِنْ يَهُودَ ، فَجُمِعُوا لَهُ ، فَقَالَ : إِي سَائِلِكُمْ عَنْ شَيْءٍ فَهَلْ أَنْتُمْ صَادِقٌ عَنْهُ ؟ فَقَالُوا : نَعَمْ : قَالَ لَهُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ أَبُوكُمْ ؟ قَالُوا : فَلَانٌ ، فَقَالَ : كَذَبْتُمْ ، بَلْ أَبُوكُمْ فَلَان . قَالُوا : صَدَقْتَ . قَالَ : فَهَلْ أَنْتُمْ صَادِقٌ عَنْ شَيْءٍ إِنْ سَأَلْتُ عَنْهُ ؟ فَقَالُوا : نَعَمْ يَا أَبَا الْقَاسِمِ ، وَإِنْ كَلَبْنَا عَرَفْتَ كَذِبَنَا كَمَا عَرَفْتَهُ فِي آيِنَا . فَقَالَ لَهُمُ : مَنْ أَهْلُ النَّارِ ؟ قَالُوا : تَكُونُ فِيهَا يَسِيرًا ، ثُمَّ تَخْلُفُونَا فِيهَا . فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : احْسِنُوا فِيهَا ، وَاللَّهُ لَا يَخْلُقُكُمْ فِيهَا أَبَدًا . ثُمَّ قَالَ : هَلْ أَنْتُمْ صَادِقٌ عَنْ شَيْءٍ إِنْ سَأَلْتُكُمْ عَنْهُ ؟ قَالُوا : نَعَمْ يَا أَبَا الْقَاسِمِ . قَالَ : هَلْ جَعَلْتُمْ فِي هَذِهِ الشَّاةِ سُمًّا ؟ قَالُوا : نَعَمْ . قَالَ : مَا جَمَلَكُمْ عَلَى ذَلِكَ ؟ قَالُوا : إِنْ كُنْتَ كَاذِبًا نَسْتَرِيحُ ، وَإِنْ كُنْتَ نَبِيًّا لَمْ يَضُرَّكَ }

Maksudnya, "Abdullah bin Yusuf menceritakan kepada kami, katanya: Al-Laits telah menceritakan kepada kami, dan Sa'id telah memberitahu kami, daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata: "Ketika Khaybar telah dibuka, seekor kambing yang mengandung racun telah dihadiahkan kepada Nabi ﷺ. Lalu Nabi ﷺ berkata: 'Kumpulkan untukku orang-orang Yahudi yang ada di sini.' Mereka pun dikumpulkan. Kemudian Nabi ﷺ berkata kepada mereka: 'Aku ingin bertanya sesuatu, adakah kamu akan menjawab dengan jujur?' Mereka berkata: 'Ya.' Baginda bertanya: 'Siapa bapa kamu?' Mereka menjawab: 'Bapa kami ialah si fulan.' Baginda berkata: 'Kamu berbohong, bapa kamu sebenarnya ialah si fulan.' Mereka menjawab: 'Benar, engkau berkata benar.' Baginda bertanya lagi: 'Adakah kamu akan menjawab dengan jujur jika aku bertanya sesuatu?' Mereka berkata: 'Ya, wahai Abu al-Qasim, dan jika kami berbohong, engkau akan mengetahuinya seperti yang engkau ketahui tentang bapa kami.' Baginda bertanya: 'Siapakah yang akan berada dalam neraka?' Mereka menjawab: 'Kami akan berada di dalamnya untuk sementara waktu, kemudian kamu akan menggantikan kami di dalamnya.' Nabi ﷺ berkata: 'Tidak! Kamu akan berada di dalamnya selama-lamanya, dan kami tidak akan menggantikan kamu di dalamnya.' Kemudian Nabi ﷺ bertanya lagi: 'Adakah kamu akan menjawab dengan jujur jika aku bertanya sesuatu?' Mereka berkata: 'Ya, wahai Abu al-Qasim.' Baginda bertanya: 'Adakah kamu telah meletakkan racun dalam kambing ini?' Mereka menjawab: 'Ya.' Baginda bertanya: 'Mengapa kamu melakukannya?' Mereka menjawab: 'Jika engkau seorang pembohong, kami akan berehat daripada kamu, dan jika engkau seorang nabi, racun itu tidak akan membahayakan kamu' (Hadis. al-Bukhari. 3169).

**Hadis Riwayat al-Bukhari Dalam Kitab al-Maghazi**

{ رَوَاهُ عُروَةَ عَنْ عَائِشَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ حَدَّثَنِي سَعِيدٌ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : لَمَّا فُتِحَتْ خَيْبَرُ أَهْدَيْتُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَاةً فِيهَا سُمٌّ }

Maksudnya, "Urwah meriwayatkan daripada Aisyah daripada Nabi ﷺ. Abdullah bin Yusuf telah menceritakan kepada kami, katanya: Al-Laits telah menceritakan kepada kami, dan

Sa'id telah memberitahu kami, daripada Abu Hurairah r.a., beliau berkata: Ketika Khaybar dibuka, seekor kambing yang mengandung racun telah dihadiahkan kepada Rasulullah" (Hadis. al-Bukhari. 4249).

### Hadis Riwayat Al-Bukhari Dalam Kitab Tibb

{ رواه عروة عن عائشة عن النبي صلى الله عليه وسلم حدثنا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّهُ قَالَ : لما فتحت خيبر أهديت الرسول الله صلى الله عليه وسلم شاة فيها سم ، فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : اجمعوا لي من كان هاهنا من اليهود ، فجمعوا له ، فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : إني سألتكم عن شيء ، فهل أنتم صادقون عنه ؟ فقالوا : نعم : يا أبا القاسم : فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : من أبوكم ؟ قالوا أبونا فلان : فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : كذبتم بل أبوكم فلان فقالوا : صدقت وبررت . فقال : هل أنتم صادقون عن شيء إن سألتكم عنه ؟ فقالوا : نعم يا أبا القاسم ، وإن كذبتك عرفت كذبتنا كما عرفته في أبينا فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : من أهل النار ؟ فقالوا : نكون فيها يسيراً ثم تخلفوننا فيها . فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم : اخسئوا فيها ، والله لا تخلفكم فيها أبداً . ثم قال لهم : هل أنتم صادقون عن شيء إن سألتكم عنه ؟ قالوا : نعم . فقال : هل جعلتم في هذه الشاة سمّاً ؟ فقالوا : نعم . فقال : ما حملكم على ذلك ؟ فقالوا : أرذنا إن كنت كاذباً نستريح منك ، وإن كنت نبياً لم يضررك }

Maksudnya, "Urwah meriwayatkan daripada Aisyah daripada Nabi ﷺ Qutaibah telah memberitahu kami, katanya: Al-Laits telah menceritakan kepada kami daripada Sa'id bin Abi Sa'id daripada Abu Hurairah bahawa beliau berkata: Ketika Khaybar telah dibuka, seekor kambing yang mengandung racun telah dihadiahkan kepada Rasulullah ﷺ Baginda lalu berkata: "Kumpulkan untukku orang-orang Yahudi yang ada di sini." Lalu mereka dikumpulkan untuk baginda. Rasulullah ﷺ berkata kepada mereka: "Aku akan bertanya sesuatu kepada kamu, adakah kamu akan menjawab dengan jujur?" Mereka berkata: "Ya, wahai Abu al-Qasim." Rasulullah ﷺ bertanya: "Siapakah bapa kamu?" Mereka menjawab: "Bapa kami adalah si fulan." Rasulullah ﷺ berkata: "Kamu berbohong, sebenarnya bapa kamu adalah si fulan." Mereka berkata: "Benar, engkau berkata benar dan tepat." Baginda kemudian bertanya lagi: "Adakah kamu akan jujur dengan aku tentang sesuatu jika aku bertanya kepada kamu?" Mereka berkata: "Ya, wahai Abu al-Qasim, dan jika kami berbohong, kamu akan mengetahuinya seperti yang kamu ketahui tentang bapa kami." Rasulullah ﷺ bertanya: "Siapakah yang akan berada dalam neraka?" Mereka menjawab: "Kami akan berada di dalamnya untuk sementara waktu, kemudian kamu akan menggantikan kami di dalamnya." Rasulullah ﷺ berkata: "Tidak, kamu akan tinggal di dalamnya. Demi Allah, kami tidak akan pernah menggantikan kamu di dalamnya." Kemudian baginda bertanya lagi kepada mereka: "Adakah kamu akan jujur dengan aku tentang sesuatu jika aku bertanya?" Mereka menjawab: "Ya." Rasulullah ﷺ bertanya: "Adakah kamu telah meletakkan racun dalam kambing ini?" Mereka menjawab: "Ya." Baginda bertanya: "Mengapa kamu melakukannya?" Mereka menjawab: "Kami ingin jika kamu seorang penipu, kami akan terbebas daripada kamu, tetapi jika kamu seorang nabi, racun itu tidak akan membahayakan kamu" (Hadis. al-Bukhari. 5777).

### Hadis Riwayat Muslim Dalam Kitab al-Salam Bab As-Sam

{ حدثنا يحيى بن حبيب الحارثي حدثنا خالد بن الحارث حدثنا شعبة عن هشام بن زيد عن أنس أن امرأة يهودية أتت رسول الله صلى الله عليه وسلم بشاة مسمومة فأكل منها فجاء بها إلى رسول الله صلى الله عليه

وسلم فسألها عن ذلك فقالت أردت لأقتلك قال ما كان الله ليسلطك على ذاك قال أو قال علي قال قالوا ألا نقتلها قال لا قال فما زلت أعرفها في لهوات رسول الله صلى الله عليه وسلم وحدثنا هارون بن عبد الله حدثنا روح بن عبادة حدثنا شعبة سمعت هشام بن زيد سمعت أنس بن مالك يحدث أن يهودية جعلت سما في لحم ثم أتت به رسول الله صلى الله عليه وسلم بنحو حديث خالد {

Maksudnya, "Diriwayatkan oleh Yahya bin Habib al-Harithi, katanya: Telah menceritakan kepada kami Khalid bin al-Harith, katanya: Telah menceritakan kepada kami Syu'bah daripada Hisyam bin Zaid daripada Anas, bahawa seorang wanita Yahudi datang kepada Rasulullah ﷺ dengan membawa seekor kambing yang telah diracun, dan baginda makan daripadanya. Kemudian wanita itu dibawa kepada Rasulullah ﷺ, dan baginda bertanya kepadanya tentang hal itu. Dia berkata, "Aku ingin membunuhmu." Rasulullah ﷺ menjawab, "Allah tidak akan membenarkan kamu berkuasa untuk melakukannya." Baginda juga berkata, "Apakah kita tidak akan membunuhnya?" Jawapan Rasulullah ﷺ adalah, "Tidak." Anas berkata, "Saya masih dapat merasakan kesannya pada tekak Rasulullah ﷺ." Diriwayatkan oleh Harun bin Abdullah, katanya: Telah menceritakan kepada kami Ruh bin 'Abadah, katanya: Telah menceritakan kepada kami Syu'bah, katanya: "Saya mendengar Hisyam bin Zaid berkata bahawa Anas bin Malik meriwayatkan kisah tentang seorang wanita Yahudi yang telah meletakkan racun dalam daging dan kemudian membawanya kepada Rasulullah ﷺ," yang isinya serupa dengan apa yang diriwayatkan oleh Khalid" (Hadis. Muslim. 2190).

#### Hadis Riwayat Abdurrazzaq

{ ذكر عبد الرزاق عن معمر عن الزهري عن عبد الرحمن بن كعب بن مالك : أن امرأة يهودية أهدت إلى النبي صلى الله عليه وسلم شاة مصلية بخير ، فقال : " ما هذه " ؟ قالت : هدية وحذرت أن تقول : من الصدقة ، فلا يأكل منها ، فأكل النبي صلى الله عليه وسلم وأكل الصحابة ، ثم قال : " أمسكوا " ، ثم قال للمرأة : " هل سممت هذه الشاة ؟ قالت : من أخبرك بهذا ؟ قال : " هذا العظم لساقها " وهو في يده ؟ قالت : نعم . قال : " لم " ؟ قالت : أردت إن كنت كاذبا أن يستريح منك الناس ، وإن كنت نبيا ، لم يضرك ، قال فاحتجم النبي صلى الله عليه وسلم ثلاثة على الكاهل ، وأمر أصحابه أن يحتجموا ، فاحتجموا، فمات بعضهم }

Maksudnya, "Abdul Razzaq meriwayatkan daripada Ma'mar daripada al-Zuhri daripada Abdul Rahman bin Ka'ab bin Malik: (Bahawa seorang wanita Yahudi menghadihkan kepada Nabi ﷺ seekor kambing panggang di Khaybar. Baginda bertanya: "Apa ini?" Dia menjawab: "Hadiah." Dia berhati-hati untuk tidak mengatakan bahawa itu adalah sedekah, supaya baginda tidak menolaknya. Nabi ﷺ pun makan dan para sahabat juga makan. Kemudian baginda berkata: "Berhenti." Lalu baginda bertanya kepada wanita itu: "Adakah kamu meracun kambing ini?" Wanita itu bertanya: "Siapa yang m emberitahu kamu tentang ini?" Baginda berkata: "Tulang kaki ini," sambil memegangnya di tangannya. Wanita itu berkata: "Ya." Baginda bertanya: "Mengapa?" Dia menjawab: "Aku mahu jika kamu seorang penipu, orang akan terbebas daripada kamu, tetapi jika kamu seorang nabi, racun itu tidak akan membahayakan kamu." Kemudian, Nabi ﷺ berbekam sebanyak tiga kali pada bahagian kahl, dan baginda memerintahkan para sahabatnya untuk berbekam juga, jadi mereka berbekam, dan beberapa daripada mereka telah meninggal dunia" (Hadis. Abdurrazzaq. 10019).

### Hadis Riwayat Ad-Darimi

{ واحتجم رسول الله صلى الله عليه وسلم على كاهله من أجل الذي أكل من الشاة ، حجه أبو هند بالقرن والشفرة ، وهو مولى لبني بياضة من الأنصار ، وبقي بعد ذلك ثلاث سنين حتى كان وجعه الذي توفي فيه ، فقال : "ما زلت أجد من الأكلة التي أكلت من الشاة يوم خيبر حتى كان هذا أوان انقطاع الأبر مني " فتوفي رسول الله صلى الله عليه وسلم شهيدا ، قاله موسى بن عقبة {

Maksudnya, "Dan Rasulullah ﷺ berbekam pada bahagian kahl kerana kesan yang dirasakan daripada daging kambing yang dimakan. Baginda berbekam oleh Abu Hind menggunakan tanduk dan pisau, seorang hamba yang dimiliki oleh Bani Bayadhah dari kaum Ansar. Baginda hidup selama tiga tahun selepas itu hingga kesakitan yang menyebabkan baginda wafat. Baginda berkata: 'Aku masih merasa kesan daripada daging yang aku makan pada hari Khaybar sehingga ini adalah waktu yang menyebabkan terputusnya urat besar daripadaku.' Maka Rasulullah ﷺ wafat sebagai syahid. Ini dinyatakan oleh Musa bin 'Uqbah" (Hadis. Al-Darimi. Bab Ma Akrama Allahu Bihi Al-Nabiyyi SAW Min Kalami Al-Mauta. 68).<sup>1</sup>

### TEKS BERKAITAN CARA MENGELUARKAN RACUN DALAM BADAN MENURUT IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH

معالجة السم تكون بالاستفراغات، وبالادوية التي تعارض فعل السم وتبطله، إما بكيفياتها، وإما بخواصها، فمن عدم الدواء فليبادر إلى الاستفراغ الكلى وأنفعه الحجامة، ولا سيما إذا كان البلد حاراً، والزمان حاراً، فإن القوة السمية تسرى إلى الدم، فتنبعث في العروق والمجاري حتى تصل إلى القلب، فيكون الهلاك، فالدم هو المنفذ الموصل للسم إلى القلب والأعضاء، فإذا بادر المسموم وأخرج الدم، خرجت معه تلك الكيفية السمية التي خالطته، فإن كان استفراغاً تاماً لم يضره السم، بل إما أن يذهب، وإما أن يضعف فتقوى عليه الطبيعة، فتبطل فعله أو تضعفه.

Maksudnya: "Rawatan untuk keracunan adalah dengan muntah dan ubat-ubatan yang melawan kesan racun dan membatalkannya, sama ada dengan sifat-sifatnya atau dengan ciri-cirinya. Bagi yang tidak mempunyai ubat, dia hendaklah segera melakukan pembersihan sepenuhnya, dan yang paling bermanfaat adalah berbekam, terutamanya jika negara tersebut panas, dan waktu tersebut panas, kerana kekuatan racun akan menyebar ke dalam darah, mengalir melalui urat dan saluran sehingga sampai ke jantung, menyebabkan kematian. Darah adalah saluran yang membawa racun ke jantung dan organ-organ lain, jadi apabila seseorang yang diracuni segera membuang darah, racun yang telah bercampur dengannya akan keluar bersama-sama. Jika pembersihan itu sempurna, racun tidak akan membahayakannya, malah ia akan hilang atau menjadi lemah sehingga tubuh boleh melawannya, membatalkan kesannya atau melemahkannya."

<sup>1</sup> Al-Albani mengatakan hadis ini sahih dalam *Takhrijih lil al-Misykat*.

ولما احتجم النبي ﷺ احتجم في الكاهل، وهو أقرب المواضع التي يمكن فيها الحجامه إلى القلب، فخرجت المادة السمية مع الدم لا خروجاً كلياً، بل بقي أثرها مع ضعفه لما يريد الله سبحانه من تكميل مراتب الفضل كلها له، فلما أراد الله إكرامه بالشهادة، ظهر تأثير ذلك الأثر الكامن من السم ليقضى الله أمراً كان مفعولاً، وظهر سر قوله تعالى لأعدائه من اليهود: ﴿أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ اسْتَكْبَرْتُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ﴾ (٨٧) ﴿١٧٥﴾ فجاء بلفظ: ﴿كَذَّبْتُمْ﴾ بالماضي الذي وقع منه، وتحقق، وجاء بلفظ: ﴿تَقْتُلُونَ﴾ بالمستقبل الذي يتوقعونه ويتنظرونه، والله أعلم.

Maksudnya: "Ketika Nabi Muhammad ﷺ berbekam, baginda berbekam di kawasan tengkuk, iaitu tempat yang paling hampir ke jantung untuk berbekam. Maka, bahan beracun keluar bersama darah, bukan sepenuhnya, tetapi kesannya masih kekal dalam keadaan lemah. Ini adalah kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala ingin menyempurnakan semua darjat keutamaan untuknya. Maka, apabila Allah ingin memuliakannya dengan kesyahidan, kesan racun yang tersembunyi itu menunjukkan pengaruhnya supaya urusan Allah yang telah ditetapkan itu berlaku. Dan tersembunyi rahsia firman Allah Ta'ala kepada musuh-musuh baginda dari kalangan Yahudi: (Maka setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul dengan sesuatu yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu menyombongkan diri; maka sebahagian daripada mereka kamu dustakan dan sebahagian lagi kamu bunuh) [Al-Baqarah: 87]. Maka Allah menggunakan perkataan 'kamu dustakan' dalam bentuk lampau yang telah berlaku dan disahkan, dan menggunakan perkataan 'kamu bunuh' dalam bentuk masa depan yang mereka nantikan dan tunggu. Dan Allah Maha Mengetahui."

#### ANALISIS TEKS TERAPI BEKAM MENGELUARKAN RACUN DALAM BADAN MENURUT IBN QAYYIM AL-JAWZIYYAH

Berdasarkan teks dalam kitab Tib Nabawi yang ditulis oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah berkaitan kaedah mengeluarkan racun daripada badan, ia boleh dilakukan dengan dua cara. Pertama dengan cara mengeluarkan atau memuntahkan racun tersebut menggunakan ubat-ubatan yang bersesuaian untuk melawan dan menyekat racun tersebut daripada terus tersebar ke seluruh anggota badan khususnya pada organ-organ penting seperti jantung dan paru-paru. Sekiranya tidak menemukan penawar racun tersebut, maka Ibn Qayyim mengesyorkan terapi bekam sebagai pilihan kedua. Hal ini dapat dilihat dalam kitab beliau dimana beliau menukilkan sebuah hadis daripada Abdurrazzaq, bahawa baginda SAW mengeluarkan racun daripada tubuh baginda selepas diracuni oleh wanita Yahudi di Khaibar dengan cara berbekam.

Menurut Ibn Qayyim (2010) lagi, bekam sangat efektif bagi mengeluarkan racun dalam badan lebih-lebih lagi jika sesebuah negara itu panas atau dilakukan semasa musim panas atau saat cuaca panas. Hal ini kerana, suhu dan cuaca mempengaruhi aliran darah dalam tubuh manusia. Seperti yang disebutkan oleh Ibn Sina dalam kitabnya al-Qanun, beliau juga mengatakan bahawa pada waktu atau cuaca yang panas, pembuluh darah akan mengembang dan memudahkan pengeluaran darah daripada urat-urat kecil yang berada dibawah lapisan kulit.

Dalam hal ini, Ibn Qayyim al-Jawziyyah menyebut bahawa, Nabi Muhammad SAW telah berbekam pada suatu titik atau tempat yang berada di belakang badan baginda iaitu kahil sebanyak tiga kali pembekaman. Kahil adalah kedudukan titik bekam yang berada pada bawah tengkuk antara bahu kanan dan kiri. Ab Aziz al-Safi et al. (2022) menyatakan bahawa, titik kahil adalah terletak di bahagian benjolan tulang leher ke-7(C7) ataupun dikenali sebagai *processus spinosus vertebrae cervicalis VII* (Wadda', 2017). Selain daripada titik kahil, terdapat juga riwayat lain yang mengatakan nabi berbekam pada titik-titik


tertentu selain daripada kahil sepertimana yang disebut oleh Milfi bin Hasan al-Walidi Asy-Syihri (2006) dalam buku karangan beliau *al-Hijamah I' lm Wa Syifa* antara titik lain adalah kepala, tengah kepala dan di bawah bahu sebelah kiri.

Namun dalam kitab tib al-Nabawi, Ibn Qayyim menyatakan bahawa titik kahil ini dipilih sebagai tempat untuk berbekam oleh Baginda SAW kerana ia adalah titik yang terdekat dan paling hampir dengan organ jantung (Ibn Qayyim, 2004). Senada dengan itu, menurut Dr. Wadda A. Umar (2017) titik kahil juga merupakan titik pertemuan antara meridian Usus Besar (LI), perut (ST), Usus Kecil (si), Pundi Kencing (UB), Hempedu (GB) dan organ-organ *Triple-Heater* atau tiga bahagian cavitasi (SJ). Organ-organ tersebut terbahagi kepada tiga bahagian dalam badan manusia. Bahagian atas ialah hati, jantung. Bahagian tengah ialah limpa, paru-paru dan perut manakala bahagian bawah ialah buah pinggang dan usus.

Titik bekam ini dipilih oleh Baginda Nabi Muhammad SAW sebagai tempat untuk berbekam kerana kahil ialah titik yang mewakili organ-organ penting dalam badan manusia dan disitu tempat racun akan berkumpul. Racun yang masuk ke dalam tubuh seseorang akan bergerak dalam saluran darah dan menyebarkan ke organ-organ tersebut. Seterusnya semua akan bergerak menuju kepada jantung kerana jantung berfungsi sebagai pengepam darah ke seluruh anggota badan manusia. Jadi racun tersebut akan berkumpul pada jantung. Bekam yang dilakukan oleh Nabi SAW tidaklah mengeluarkan racun tersebut secara sepenuhnya, masih terdapat kesan sampingan daripada racun tersebut. Namun tidaklah seperti sebelum melakukan bekam kerana kekuatannya sudah melemah.

## KESIMPULAN

Ibnu Qayyim al-Jawziyyah menyatakan antara terapi yang boleh dilaksanakan bagi mengeluarkan racun dalam badan ialah melalui terapi bekam. Hal ini sepertimana yang telah dilakukan oleh nabi Muhammad SAW dimana baginda SAW pernah diracuni oleh seorang wanita yahudi di Khaibar dan beliau berbekam pada titik kahil sebagai inisiatif baginda mengurangkan kesan racun tersebut. Dalam proses bekam ini, titik bekam kahil dipilih sebagai tempat untuk bekam mengeluarkan racun tersebut. Ini kerana menurut Ibn Qayyim titik tersebut mewakili organ terpenting dalam tubuh manusia yang mana menjadi tempat terkumpulnya racun dalam badan. Titik tersebut adalah seperti rajah di bawah:



Rajah 2: Menunjukkan titik kahil pada belakang badan

Pendapat Ibn Qayyim al-Jawziyyah tersebut juga disokong oleh pakar perubatan seperti Ibn Sina. Manakala pada zaman moden ia juga disokong oleh pengamal bekam seperti Dr. Aziz Al-Safi dan Dr. Wadda A. Umar dimana titik *al-Kahil* tersebut efektif untuk mengeluarkan racun daripada badan. Walaupun demikian, bekam bukanlah pilihan yang utama bagi merawat racun seperti yang telah dijelaskan oleh Ibn Qayyim didalam kitab karangan beliau. Bekam adalah pilihan jika tidak menjumpai penawar racun tersebut.

## RUJUKAN

### Buku

- Ab, A. S. I., Mujahid, B., & Suhaily, M. H. (2015). *Hayati Sunnah Nabi Saw., Sains Bekam*, Ar-Risalah Production SDN. BHD.
- Abdurrazzaq. (1970). *Al-Mushannaf*. Beirut.
- Ahmad Farid. (2006). *60 Biografi Ulama Salaf*. Pustaka al-Kausar
- Ahmad, R. S. (2012). *Penyakit dan terapi bekamnya dasar-dasar ilmiah terapi bekam*. THIBBIA.
- Aiman Al-Husaini. (2005). *Bekam Mukjizat Pengubatan Nabi Saw*. Pustaka Azzam.
- al-Bukhari. (1980). *Al-Jami' al-Sahih*. Matba'ah al-Salafiah.
- Amr, R., & Muhammad, S. K.(2021). *Panduan Bekam Bergambar*. Zam-Zam Mata Air Ilmu.
- Amran, K. (2002). *Tanda sahir & kekuatan roh untuk mengatasinya*. Percetakan Watan.
- Asar, A. K., Saifullah, Y., & Farawahida,O.(2023). *Panduan Pengubatan Bekam Hijamah*. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.
- Bakr, A. A. Z. (1423H). *Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Hayatuh Wa Atharuh Wa Mawariduh*. 2<sup>nd</sup> ed. Kaherah: Darul al-Asimah.
- Flori, R.S. (2018). Bekam kenabian : Dalam Tinjauan Kedokteran Berbasis Bukti Dalam Flori Ratna Sari & Eng. Saiful Anwar (Eds.), *Bekam Sebagai Kedokteran Profetik Dalam Tinjauan Hadis Sejarah Dan Kedokteran Berbasis Bukti* (pp.23). Rajawali Pers.
- Hisham, T. (2013). *Ensiklopedia Mukjizat al-Quran dan Hadis*. Sapta Books.
- Ibn Hajar. (1972). *Al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah*. (2<sup>nd</sup> ed.). Matba'ah Dairah al-Maarif.
- Ibn Kathir. (2018). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Darul Ibn Kathir.
- Ibn Manzhur. (tt). *Lisanul Al-Arabi*. Darul al-Maa'rif.
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah. (2004). *Tib Al-Nabawi*. Darul Hadis.
- Ibn Rajab, Zayn al-din Abu al-Farj Abd al-Rahman b. Shihab al-Din Ahmad al-Baghdadi. (2005). *Al-Dhayl 'ala Thabaqat al-Hanabilah*. (5<sup>nd</sup> ed.). Maktabah Obekan.
- Iyan, S. (2017). *Hidup Sehat Dengan Detoks*. Diandra Pustaka Indonesia.
- Jabatan Pertanian Malaysia.(2017). *Panduan penggunaan racun perosak bagi tanaman tertentu*. Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian Malaysia.
- John, D. G. (2019). *Malay Poisons and Charm Cures*. Silverfish Books Sdn Bhd.
- Mansyur, H.M. Laily. (1999). *Ajaran Dan Teladan Para Sufi*. PT Raja Grafindo Persada.
- Milfi bin Hasan Al-Walidi Asy-Syihri. (2006). *Al-Hijamah Ilm Wa Syifa'*. darul al-Muhaddisin lil Tahqiqoti al-Ilmiah wa an-Nasyr
- Muslim. (2006). *Shaheh Muslim*. Darul Thaibah.
- Noresah, B., Ibrahim, A., Mohd, N.A.G., & Rusli, A.G. (2005). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhaimanshah (2022). *Teknik kawalan penyakit dan perosak dan teknik kawalan rumpai*. Universiti Putra Malaysia.
- Wadda', A. U. (2017). *Sembuh Dengan Satu Titik*. al-Qowwam.
- Wahyudi,W., Aulia, A., Ita, W. Aris, S, Dhian, L.R., Yugi, H.C.P., & Apriza. (2023). *Terapi bekam untuk kesihatan*. CV MEDIA SAINS INDONESIA
- Wan, N. A., Mohd, R., & Nur, E. (2022). *Panduan asas pembajaan*. Politeknik Jeli Kelantan.
- Yuli, D., Lia, L., & Darmanshah.(2019). *Industri Proses Kimia*. Pusaka Media.

### Disertasi

- Hamzaimi, A. (2019). *Model Amalan Bekam Dalam Masyarakat Melayu*. Unpublished doctoral dissertation. Universiti Teknologi Malaysia.
- Syafiya, K. (2018). *Terapi Hijamah (Bekam) Menurut Pendekatan Sejarah Dan Sunnah*. (No. Penerbitan. 4223) [Tesis Master Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan.]. Repository UINSU.

### **Jurnal**

Mohd, Y. Ahmad, N. Ismail, Nik, R., & Mokhtar. (2022). Kesan dan amalan santau dalam budaya masyarakat Nusantara. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 3 (1) 17-29

Mohd, N. S., & Shuhairimi, A. (2013). Santau dan Masyarakat Melayu: Analisis dari perspektif akidah Islam. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 6(2), 231-233.

### **Laman Sesawang**

Muhammad, I. A. M. (1996, Mei 18). Hindari bahaya keracunan gas. [https://prn.usm.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=618:hindari-bahaya](https://prn.usm.my/index.php?option=com_content&view=article&id=618:hindari-bahaya) (diakses pada 22 Januari 2024)

Mohd, F. M. Y., & Ahmad, T. M. N. (2012, April 25). Keracunan. <http://www.myhealth.gov.my/keracunan-2/> (diakses pada 22 Januari 2024)

Siti, A. F. (2014, Jun 11). Ubatan Tradisional yang dicampur racun. <http://www.myhealth.gov.my/ubat-tradisional-yang-dicampur-racun/> (diakses pada 22 Januari 2024)

Haliza, A. R. (2020, September 23). Karbon monoksida, gas bertoksik yang membunuh. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1882121> (diakses pada 22 Januari 2024)

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*